

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) apakah pihak Kementerian bersedia untuk memperakui dan mengiktiraf rakyat Malaysia yang mendapatkan suntikan vaksin mereka di luar negara Malaysia; dan
- (b) bagaimana mereka ini diiktiraf atau diberikan salinan sijil digital di aplikasi MySejahtera sedangkan mereka tidak menerima suntikan di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada dasarnya, Kerajaan mengiktiraf vaksin COVID-19 yang telah diluluskan oleh badan-badan regulatori antara bangsa seperti *Food and Drug Administration (FDA)*, Amerika Syarikat, *Medicines and Healthcare Products Regulatory Agency (MHRA)*, United Kingdom dan *European Medicines Agency (EMA)*, Eropah. Selain itu, Kerajaan juga mengiktiraf vaksin COVID-19 yang telah dimasukkan dalam senarai *Emergency Use List (EUL)* oleh WHO untuk kegunaan segera kawalan pandemik.

SOALAN NO : 46

2. Untuk kegunaan di dalam negara pula, semua vaksin perlu dinilai oleh pihak Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Dadah Kebangsaan (PBKD). Pada masa ini, vaksin COVID-19 yang telah diluluskan pendaftaran secara bersyarat oleh PBKD ialah Comirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Convidecia (CanSino), COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson), Covilo (Sinopharm) and Spikevax (Moderna).

3. Rakyat Malaysia yang telah mendapatkan suntikan vaksin yang diiktiraf di luar negara boleh mendapatkan Sijil Vaksinasi COVID-19 Digital melalui aplikasi MySejahtera. Pemohon perlu mengemukakan permohonan Sijil Vaksinasi Digital di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan dengan sayarat-syarat berikut:

- (i) Pemohon perlu mendaftar dengan MySejahtera;
- (ii) Pemohon perlu mengemukakan bukti penerimaan vaksin di luar negara yang dengan maklumat berikut:
 - a. nama penerima vaksin untuk tujuan verifikasi dengan kad pengenalan atau passport;
 - b. nama vaksin/Pengilang;
 - c. tarikh penerimaan vaksin mengikut dos; dan
 - d. tempat dan negara pemberian suntikan.

4. Permohonan yang lengkap akan diproses dan Sijil Vaksinasi COVID-19 Digital akan dikeluarkan melalui MySejahtera dalam tempoh seminggu selepas permohonan.

Sekian, terima kasih.